

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 28 Oktober 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KENYATAAN MEDIA BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI SEPTEMBER 2024

EKSPORT BAGI PULAU PINANG MENCATATKAN NILAI RM46.5 BILION DENGAN SUMBANGAN 37.5 PERATUS PADA BULAN SEPTEMBER 2024

PUTRAJAYA, 28 OKTOBER 2024 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM234.8 bilion pada September 2024 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM124.0 bilion dan RM110.8 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI SEPTEMBER 2024**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport bernilai RM124.0 bilion pada September 2024, menurun sebanyak RM319.5 juta (-0.3%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Selangor (-RM2.0 bilion), Kedah (-RM1.5 bilion), Negeri Sembilan (-RM769.4 juta), Pahang (-RM501.1 juta), W.P. Labuan (-RM353.9 juta), Sarawak (-RM347.3 juta), Melaka (-RM313.2 juta), Terengganu (-RM193.5 juta), W.P. Kuala Lumpur (-RM172.8 juta) dan Perlis (-RM22.4 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Pulau Pinang sebanyak RM3.6 billion, Johor (+RM1.5 bilion), Perak (+RM1.0 bilion), Sabah (+RM187.0 juta) dan Kelantan (+RM28.1 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 37.5 peratus, diikuti oleh Johor (20.6%), Selangor (15.6%), Sarawak (6.5%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.5%).


Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan September 2024 meningkat RM10.9 bilion (+10.9%) berbanding bulan yang sama pada 2023. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM4.7 bilion), Pulau Pinang (+RM4.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM3.1 bilion), Selangor (+RM2.6 bilion), Perak (+RM210.0 juta), Kedah (+RM201.5 juta) dan Terengganu (+RM123.6 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Melaka sebanyak RM1.6 bilion, Negeri Sembilan (-RM1.1 bilion), Pahang (-RM464.9 juta), Sarawak (-RM177.3 juta), W.P. Labuan (-RM107.7 juta), Kelantan (-RM27.4 juta), Sabah (-RM25.2 juta) dan Perlis (-RM13.5 juta).

Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 26.5 peratus, diikuti oleh Johor (23.3%), Pulau Pinang (22.6%), W.P. Kuala Lumpur (9.5%) dan Kedah (5.6%).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Carta 1: Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
September 2023 – September 2024 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, September 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
28 OKTOBER 2024**